

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH  
BINTI MAJILIS @ FARKHARUDY  
[KOTA BELUD]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI MAJILIS @ FARKHARUDY** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan justifikasi pelaksanaan vaksinasi buat anak- anak berumur dalam lingkungan 12 hingga 18 tahun, dimana tidak mengikut piawaian amalan vaksinasi di Amerika Syarikat dan United Kingdom seperti yang disebut oleh Menteri sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Justifikasi pemberian vaksin kepada remaja berumur 12-17 tahun adalah:

- (i) statistik terkini menunjukkan trend peningkatan jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak di negara ini adalah amat membimbangkan. Selain itu, terdapat peningkatan kes kematian direkodkan akibat COVID-19 sejak Januari 2021 sehingga 19 September 2021 iaitu sebanyak 67 kematian berbanding enam (6) kematian pada 2020;

## SOALAN NO : 23

- (ii) golongan ini juga berkemungkinan untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang serius/teruk terutamanya dalam kalangan remaja yang mempunyai masalah kesihatan yang lain (komorbiditi). Mereka juga boleh mengalami kondisi kesihatan yang serius yang berkait dengan COVID-19 yang dikenali sebagai “Multisystem Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C)”. Selain itu, remaja juga berisiko menghadapi masalah kesihatan jangka panjang *Long-COVID-19* sepertimana orang dewasa;
- (iii) mereka boleh menjangkitkan COVID-19 kepada orang-orang lain. Vaksinasi akan memberi perlindungan kepada mereka dan mengurangkan kemungkinan jangkitan berlaku kepada orang-orang lain, termasuk ahli-ahli keluarga yang berisiko tinggi seperti ahli keluarga yang tua atau individu-individu lemah daya tahan imun; dan
- (iv) vaksinasi akan membolehkan mereka kembali menjalani kehidupan normal dengan lebih selamat seperti pergi ke sekolah, bersukan, berinteraksi dengan keluarga serta rakan dan mengembara.

2. Pada masa ini, vaksin Pfizer-BioNTech (Comirnaty) adalah vaksin COVID-19 yang telah diluluskan dan disarankan untuk remaja berumur 12-17 tahun di Malaysia. Tidak terdapat perbezaan dari segi kapasiti dos dan mereka boleh menerima dua (2) dos yang sama seperti yang disarankan kepada orang dewasa. Berdasarkan data kajian klinikal dan data dari *Real World* menunjukkan vaksin ini adalah selamat.

Sekian, terima kasih.